

Nur Allya johan pertandingan 'U Got Talent' Karnival Jom Masuk U Zon Sabah

UB 08.06.2023 P.08

LABUAN: Murid Tingkatan 5 SMK Pantai, Wilayah Persekutuan Labuan, Nur Allya Mardiana Jairin dinobatkan sebagai johan Pertandingan U Got Talent Karnival Jom Masuk U Zon Sabah yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu pada 28 Mei yang lalu.

Di peringkat akhir, Nur Allya bersaing bersama 14 peserta lain yang terdiri daripada peserta solo dan berkumpulan yang menunjukkan bakat masing-masing dalam nyanyian lagu dan tarian.

Nur Allya yang mempersembahkan nyanyian solo lagu "Semalam" yang diperlakukan oleh Aina Abdul telah berjaya menewaskan 14 peserta dari seluruh Sabah iaitu SMK Narinang Kota Belud, SMK Entabuan Tenom, SMK Tandek 2 Kota Marudu, SMK Lohan Ranau, SMK Bahang Penampang, SMK Mat Salleh Ranau, SMK St Joseph Papar, SMK Bandaraya, SMK Inanam, SMK Kolombong, SMK Kota Marudu II, SMK Pekan Kota Belud dan SMJK Chung Hwa Tenom.

Dengan kejayaan itu, Nur Allya memenangi wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

Sebelum ini, Nur Allya telah terpilih sebagai penyanyi utama dalam Konsert DiRaja Kementerian Pendidikan Malaysia dan telah membuat persembahan di hadapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada



HEBAT: Nur Allya semasa Konsert DiRaja KPM di Istana Budaya.



JUARA: Nur Allya bersama hadiah Johan U Got Talent 2023.

24 Februari 2023 di Istana Budaya, Kuala Lumpur.

Kejayaan Nur Allya dalam bidang nyanyian ini telah mengharumkan nama WP Labuan dan nama SMK Pantai di peringkat kebangsaan.

Sementara itu, Pengetua SMK Pantai, Ismail Abdullah berkata pihak sekolah sangat

menggalakkan dan memberi sokongan kepada penglibatan Nur Allya sehingga ke peringkat tertinggi.

"Pihak sekolah mengucapkan tahniah dan terima kasih atas kejayaan Nur Allya sekali gus mengharumkan nama WP Labuan dan SMK Pantai," katanya.